



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SABTU, 2 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>MALYSIAN CHILDREN NEED AN INDEPENDENT CHILDREN'S COMMISSION</b>	
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/206668/opinions/letters/malaysian-children-need-an-independent-childrens-commission">https://www.sinardaily.my/article/206668/opinions/letters/malaysian-children-need-an-independent-childrens-commission</a>	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>SOFIA BERSEMANGAT, SIMPAN HASRAT MURNI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005245/sofia-bersemangat-simpan-hasrat-murni">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005245/sofia-bersemangat-simpan-hasrat-murni</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>'BANGUNLAH DIK, LAMA DAH KAU KOMA'</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/bangunlah-dik-lama-dah-kau-koma/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/bangunlah-dik-lama-dah-kau-koma/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>DAZ BIKERS, LOTUS'S BANTU ASNAF, OKU</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/daz-bikers-lotuss-bantu-asnaf-oku/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/daz-bikers-lotuss-bantu-asnaf-oku/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>DISELAMATKAN 20 TAHUN LALU, JKM CARI WARIS 2 GELANDANGAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005367/diselamatkan-20-tahun-lalu-jkm-cari-waris-2-gelandangan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005367/diselamatkan-20-tahun-lalu-jkm-cari-waris-2-gelandangan</a>	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>17 'BAYI MERDEKA' LAHIR DI HUSM</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005297/17-bayi-merdeka-lahir-di-husm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005297/17-bayi-merdeka-lahir-di-husm</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/09/01/empat-bayi-merdeka-lahir-di-kpj-wilayah-utara/">https://malaysiagazette.com/2023/09/01/empat-bayi-merdeka-lahir-di-kpj-wilayah-utara/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=kUB4k0rOgeM">https://www.youtube.com/watch?v=kUB4k0rOgeM</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tujuh-bayi-merdeka-lahir-di-hospital-shah-alam-x8nmq6l">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tujuh-bayi-merdeka-lahir-di-hospital-shah-alam-x8nmq6l</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>TIPU TAWARAN ANAK ANGKAT, 2 WANITA DIPENJARA 12 BULAN</b>	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/01/tipu-tawaran-anak-angkat-2-wanita-dipenjara-12-bulan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/01/tipu-tawaran-anak-angkat-2-wanita-dipenjara-12-bulan/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/09/dua-rakan-dipenjara-setahun-tipu-tawar-bayi-jadi-anak-angkat/">https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/09/dua-rakan-dipenjara-setahun-tipu-tawar-bayi-jadi-anak-angkat/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/276654/berita/semasa/wanita-dipenjara-12-bulan-tipu-urusan-ambil-anak-angkat">https://www.sinarharian.com.my/article/276654/berita/semasa/wanita-dipenjara-12-bulan-tipu-urusan-ambil-anak-angkat</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=pkSxTxXhUls">https://www.youtube.com/watch?v=pkSxTxXhUls</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>RAMAI KAHWIN LUAR NEGARA PUNCA DAFTAR KELAHIRAN LEWAT BERTAMBAH</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/276681/edisi/terengganu/ramai-kahwin-luar-negara-punca-daftar-kelahiran-lewat-bertambah">https://www.sinarharian.com.my/article/276681/edisi/terengganu/ramai-kahwin-luar-negara-punca-daftar-kelahiran-lewat-bertambah</a>	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

2/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>SAMPAI HATI NAK GUGURKAN NAMA BAPA DALAM KAD PENGENALAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/276633/suara-sinar/pojok/sampai-hati-nak-gugurkan-nama-bapa-dalam-kad-pengenalan">https://www.sinarharian.com.my/article/276633/suara-sinar/pojok/sampai-hati-nak-gugurkan-nama-bapa-dalam-kad-pengenalan</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>RUU SURUHANJAYA KANAK-KANAK MALAYSIA DIBENTANG DI PARLIMEN BULAN DEPAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1147355/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-malaysia-dibentang-di-parlimen-bulan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1147355/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-malaysia-dibentang-di-parlimen-bulan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/09/01/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-malaysia-dibentang-bulan-depan/">https://malaysiagazette.com/2023/09/01/ruu-suruhanjaya-kanak-kanak-malaysia-dibentang-bulan-depan/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005409/kerajaan-komited-tegakkan-hak-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005409/kerajaan-komited-tegakkan-hak-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>IBU, TEMAN LELAKI DIDAKWA BUNUH BUDAK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1005338/ibu-teman-lelaki-didakwa-bunuh-budak">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1005338/ibu-teman-lelaki-didakwa-bunuh-budak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bunuh-anak-ibu-dan-teman-lelaki-didakwa-435438">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bunuh-anak-ibu-dan-teman-lelaki-didakwa-435438</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/ibu-teman-lelaki-dera-anak-5-tahun-hingga-maut/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/ibu-teman-lelaki-dera-anak-5-tahun-hingga-maut/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>PENGGUNAAN SKRIN TERLALU LAMA TINGKAT POTENSI KEMURUNGAN KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/gaya-hidup/penggunaan-skrin-terlalu-lama-tingkat-potensi-kemurungan-kanakkanak-435285">https://www.astroawani.com/gaya-hidup/penggunaan-skrin-terlalu-lama-tingkat-potensi-kemurungan-kanakkanak-435285</a>	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>POLEMIK HAK KEWARGANEGARAAN PERLU PINDAAN PERLEMBAGAAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/09/1147257/polemik-hak-kewarganegaraan-perlu-pindaan-perlembagaan">https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/09/1147257/polemik-hak-kewarganegaraan-perlu-pindaan-perlembagaan</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>WANITA DIPERKOSA BERGILIR-GILIR: 5 LELAKI DIBURU POLIS</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005336/wanita-diperkosa-bergilir-gilir-5-lelaki-diburu-polis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005336/wanita-diperkosa-bergilir-gilir-5-lelaki-diburu-polis</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-buru-lima-lelaki-rogol-berkumpulan-435371">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-buru-lima-lelaki-rogol-berkumpulan-435371</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>TENAGA WANITA MASIH KURANG</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005248/tenaga-wanita-masih-kurang">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1005248/tenaga-wanita-masih-kurang</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>WANITA ALAMI DEHIDRASI KETIKA MENDAKI BUKIT DISELAMATKAN BOMBA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/wanita-alami-dehidrasi-ketika-mendaki-bukit-diselamatkan-bomba/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/wanita-alami-dehidrasi-ketika-mendaki-bukit-diselamatkan-bomba/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>REMAJA 17 TAHUN DITUDUH BUNUH JIRAN</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/09/01/remaja-17-tahun-dituduh-bunuh-jiran/">https://malaysiagazette.com/2023/09/01/remaja-17-tahun-dituduh-bunuh-jiran/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)


f t i kpwkm

2/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	<b>PENGASUH DIREMAN DIPERCAYAI DERA KANAK-KANAK LELAKI SETAHUN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/pengasuh-direman-dipercayai-dera-kanak-kanak-lelaki-setahun/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/pengasuh-direman-dipercayai-dera-kanak-kanak-lelaki-setahun/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/pengasuh-direman-dipercayai-dera-kanak-kanak-lelaki/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/pengasuh-direman-dipercayai-dera-kanak-kanak-lelaki/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>IBU MENYUSU BEKERJA PERLU DIBERI SOKONGAN</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/ibu-menyusu-bekerja-perlu-diberi-sokongan/">https://www.kosmo.com.my/2023/09/01/ibu-menyusu-bekerja-perlu-diberi-sokongan/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	<b>HILMY MAHU PERKASA INFRASTRUKTUR MESRA KANAK-KANAK DAN WARGA TUA</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/01/hilmy-mahu-perkasa-infrastruktur-mesra-kanak-kanak-dan-warga-tua">https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/01/hilmy-mahu-perkasa-infrastruktur-mesra-kanak-kanak-dan-warga-tua</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY



TAJUK : HARAP RUU SURUHANJAYA KANAK-KANAK DIBENTANG BULAN DEPAN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Harap RUU Suruhanjaya Kanak-Kanak dibentang bulan depan

**Kuala Lumpur:** Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Kanak-Kanak Malaysia diharap dapat dibentangkan secepat mungkin pada mesyuarat di Parlimen bulan depan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Azalina menerusi ciapan di Twitter semalam, berkata pihaknya berbesar hati menerima cadangan daripada organisasi masyarakat awam dan hak kanak-kanak mengenai perkara itu.

“Cadangan itu menggambarkan bagaimana mereka menyokong usaha perundangan kerajaan.

“Menjaga perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama rakyat Malaysia. Kita mesti mewujudkan integriti nasional dengan memperjuangkan hak setiap kanak-kanak,” katanya.

Azalina berkata, kerajaan komited menegakkan hak kanak-kanak dan mengiktiraf kepentingan ketelusan serta badan pengawasan bebas, seperti pesuruhjaya kanak-kanak.

Beliau sudah bertemu dengan pihak berkepentingan, termasuk berbincang dengan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) di luar negara dan meneliti isu terbabit dengan teliti.

“Ia bertujuan menubuhkan badan bebas bagi menegakkan hak kanak-kanak di Malaysia,” katanya.

Sebelum ini, Azalina yang juga Ahli Parlimen Pengerang berkata, akta khusus untuk suruhanjaya kanak-kanak di negara ini menjadi kesinambungan pelantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak.

Beliau berkata, akta itu akan dibentang selepas RUU Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dilulus.



TAJUK : MODUL PENDIDIKAN PERLU SESUAI KEMAMPUAN, KEFAHAMAN PELAJAR

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Modul pendidikan perlu sesuai kemampuan, kefahaman pelajar



Pensyarah Kanan  
Kaunseling Universiti  
Pendidikan Sultan  
Idris (UPSI)

Oleh Dr Norsayyidatina Che Rozubi  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Seiring perkembangan dan kepesatan teknologi hari ini, media sosial menjadi wadah tempat masyarakat menyoarakan keluhan, idea dan membincangkan pelbagai isu secara terbuka.

Antara isu mendapat perhatian masyarakat adalah tahap mata pelajaran dan silibus diajar di sekolah dikatakan melampau keupayaan dan kemampuan kanak-kanak.

Penggunaan perkataan akademik standard tinggi dalam mata pelajaran sekolah rendah dikatakan di luar kemampuan kanak-kanak untuk memahami subjek dipelajari secara berkesan.

Justeru, ibu bapa menjadikan media sosial untuk mereka melepaskan kebimbangan terhadap silibus dan mata pelajaran diajar di sekolah. Mereka bimbang standard tinggi dalam silibus itu akan menurunkan minat dan kecenderungan mereka terhadap bidang pendidikan.

Namun, dalam mengejar kemajuan pendidikan, pembuat dasar dan silibus pendidikan perlu mempertimbangkan pelbagai aspek bagi memberikan kesesuaian kepada pelajar.

Pelajar adalah 'pelanggan', oleh itu, sistem pendidikan perlu mempertimbangkan setiap mata pelajaran, silibus dan kursus menepati kemampuan serta kefahaman pelajar.

Justeru, dalam merangka dan merancang penambahbaikan sistem pendidikan terutama untuk sekolah rendah terdapat beberapa perkara perlu ditimbang tara untuk memastikan semua pelajar diberi peluang menimba ilmu sesuai perkembangan usia mereka.

Penyelidik dan pengkaji terbabit dalam pembuatan dasar pendidikan perlu menarik penyertaan pelbagai pihak dan pemegang taruh, bukan tertumpu kepada ahli akademik sahaja.

Bermakna, perlunya penyertaan daripada wakil ibu bapa, guru, pakar psikologi, kaunselor, wakil universiti dan industri bagi membincangkan keperluan pendidikan kepada kanak-kanak.

Pemilihan silibus atau mata pelajaran ditawarkan mungkin tidak perlu terlalu banyak kerana kualiti perlu dijadikan keutamaan berbanding kuantiti.

## Fokus perkara asas

Silibus sepatutnya fokus kepada perkara asas, iaitu 'membaca, menulis dan mengira', dikembangkan secara berperingkat seiring pertambahan tahap pemahaman kanak-kanak.

Walaupun terdapat kanak-kanak diberikan anugerah kepintaran dalam akademik, itu hanya 10 peratus, sedangkan masih banyak kanak-kanak tercicir, terutama di pedalaman.



Selain itu, pada peringkat sekolah rendah, kanak-kanak perlu didedahkan dengan pengetahuan umum dan kelangsungan hidup supaya kefahaman mereka tidak tertumpu kepada akademik sahaja.

Kesejahteraan psikologi adalah keutamaan kepada kanak-kanak, maka pada peringkat sekolah rendah, mereka perlu dididik dengan persekitaran positif melalui sokongan guru dan ibu bapa.

Sementara itu, kaunselor sekolah memainkan peranan dalam menyediakan program menggalakkan kanak-kanak untuk belajar menghargai diri dan orang lain, membuat keputusan, asertif dan bagaimana menguruskan masalah atau isu secara bijaksana.

Ini kerana statistik menunjukkan peningkatan kes kanak-kanak mengalami kesihatan mental akibat dibebankan perkara di luar keupayaan diri akhirnya memberi kesan stres, anxiety, kemurungan dan *resilence* (ketahanan diri rendah) dan cubaan mencederakan diri.

Kita tidak mahu melahirkan generasi bijak akademik semata-mata, namun mudah 'koyak' atau cepat emosi apabila berdepan konflik kehidupan.

Oleh itu, dalam melahirkan generasi cemerlang akademik, aspek lain seperti moral, emosi dan spiritual perlu diberi perhatian.

Kesihatan fizikal sangat berkait dengan kesejahteraan psikologi. Dalam menghasilkan sistem pendidikan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek kita perlu sedar adakah modul pendidikan dibina hari ini sesuai dengan acuan kanak-kanak.

Kita mungkin berasa gah melihat kecemerlangan dan pencapaian akademik pelajar saban tahun namun adalah dari segi kesejahteraan psikologi mereka mampu bertahan?

Berilah peluang kepada kanak-kanak terutama sekolah rendah yang baru ingin mengenali dunia untuk belajar sambil bergembira dan seronok, bukan ditekankan dengan sesuatu yang asing, membosankan dan membuang minat untuk terus menimba ilmu.



TAJUK :	PERKASA PROGRAM IMUNISASI IBU HAMIL ELAK PENYAKIT BERJANGKIT		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	02 SEPT 2023	M/SURAT :	12
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

# Perkasa program imunisasi ibu hamil elak penyakit berjangkit

- Cadangan KKM mahu memberikan vaksin Tdap bagi melindungi bayi baru lahir adalah satu langkah proaktif untuk memastikan ibu hamil boleh mendapat akses kepada vaksin
- Di Malaysia, ramai wanita tidak mendapat vaksinasi ibu hamil atas pelbagai faktor seperti kurangnya kesedaran, keraguan terhadap vaksin, bimbangan isu keselamatan dan kekangan kewangan



Oleh Prof Dr Jamiyah Hassan  
bhrencana@bh.com.my

Baru-baru ini Kementerian Kesihatan (KKM) mempertimbangkan untuk menyenaraikan kombinasi vaksin '3 dalam 1' Tetanus-difteria-pertusis (Tdap) ke dalam penjagaan pranatal ibu hamil di Malaysia, susulan peningkatan kes batuk kokol di Rompin, Pahang dan Alor Gajah, Melaka.

Cadangan KKM mahu memberikan kombinasi vaksin Tdap bagi melindungi bayi baru lahir daripada penyakit batuk kokol adalah satu langkah proaktif untuk memastikan ibu hamil boleh mendapat akses kepada vaksin bagi perlindungan penyakit berjangkit.

Ini satu langkah sangat penting bagi mengurangkan risiko penyakit cegahan vaksin dalam kalangan bayi baru lahir dan akan meningkatkan kesihatan kanak-kanak di Malaysia secara menyeluruh.

Usaha untuk mengurangkan kadar 'mortaliti neonatal' (kadar kematian bayi baru lahir memasuki hari ke-28) pada peringkat global sejak 1990 menunjukkan kemajuan ketara, namun sejak 2010, peningkatan kelangsungan hidup berlaku pada kadar perlahan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan meruncikan usaha mengurangkan kematian boleh dicegah dalam kalangan bayi baru lahir dan kanak-kanak di bawah umur lima tahun menjelang 2030 dengan didorong Matlamat Pembangunan Mampuan (SDG).

Pada peringkat global, kira-kira 6,400 bayi baru lahir meninggal dunia setiap hari, iaitu hampir 47 peratus daripada kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Di Malaysia, kadar 'mortaliti neonatal' pada 2021 adalah 4.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, meningkat sedikit berbanding kadar pada 2020 iaitu 3.9.

Meningkatkan kelangsungan hidup bayi baru lahir adalah satu perkara penting, bahkan mengutamakan pencegahan penyakit menjadi langkah amat perlu apabila jangkitan boleh dicegah dengan vaksin itu dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada 'mortaliti neonatal'.

### Cabaran lindungi bayi daripada jangkitan

Bagaimanapun, timbul cabaran besar dalam usaha melindungi bayi berumur di bawah tiga bulan terlalu muda untuk divaksin daripada penyakit berjangkit seperti pertusis atau batuk kokol tanpa vaksinasi aktif.

Untuk menangani masalah ini, imunisasi ibu hamil muncul sebagai satu jalan penyelesaian paling berkesan kerana pendekatan ini diamalkan secara meluas di negara maju dan terbukti dapat mencegah penyakit dan menyelamatkan nyawa.

Apabila menerima vaksinasi ketika hamil, seseorang ibu akan mempunyai dua kelebihan iaitu merangsang imuniti dirinya sendiri dan antibodi dijana akan memberi perlindungan penting kepada bayi dalam kandungan serta sewaktu kelahiran.

Antibodi terbentuk dalam diri ibu akan

dipindahkan kepada bayi melalui uri, memberi perlindungan penting kepada bayi baru lahir daripada jangkitan penyakit berjangkit seperti batuk kokol. Antibodi ini akan terus menjadi perisai kepada bayi berkenaan selama beberapa bulan, sehingga si kecil boleh menerima vaksinasi sendiri.

Fenomena unik dan mendatangkan perlindungan berkesan daripada satu intervensi memberi manfaat kepada ibu dan bayi ini adalah satu pencapaian dalam kesihatan awam perlu diberi perhatian selain memperkasakan ibu dengan perlindungan berharga ketika mereka sangat memerlukannya.

Di Malaysia, vaksinasi Tetanus Toxoid (TT) dimasukkan ke dalam program vaksinasi kebangsaan untuk wanita mengandung. Bagaimanapun, penambahbaikan perlu dirancang dalam meningkatkan tahap kesihatan ibu hamil dan melakukan penyesuaian strategi untuk menangani sebarang kes penyakit cegahan vaksin secara berkesan.

Program Perluasan Imunisasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada mulanya berjaya mengurangkan kes batuk kokol di seluruh dunia, tetapi kini penyakit ini muncul semula kerana penurunan imuniti dan penolakan atau kelewatan mendapatkan vaksin.

Asia Selatan dan Asia Tenggara menanggung beban batuk kokol neonatal yang berat, dengan peningkatan kes dalam kalangan bayi di bawah

umur tiga bulan, menyebabkan kadar mortaliti di rantau ini mencecah 5.6 peratus hingga 14.7 peratus.

Bahkan, kebarangkalian untuk kelompok umur lemah ini menghadapi penyakit teruk dan dimasukkan ke hospital adalah lebih tinggi.

Di negara kita, kes batuk kokol meningkat sejak 20 tahun lalu, dengan kadar penolakan vaksin melonjak daripada 600 pada 2013 kepada 1,600 pada 2016. Pihak berkuasa mengesyaki insiden sebenar jauh lebih tinggi disebabkan kes tidak dikesan atau tidak dilaporkan.

Tanda-tanda batuk kokol pada remaja dan orang dewasa berbeza dengan bayi dan diagnosis pula jarang dilakukan. Namun penyakit ini sangat mudah berjangkit dan boleh memberi kesan teruk kepada bayi, khususnya bayi terlalu muda untuk divaksin.

Sehingga 19 Ogos lalu, terdapat 329 kes pertusis dengan 23 kematian dilaporkan tahun ini di seluruh negara, 189 (57.4 peratus) daripada kes dilaporkan membabitkan bayi di bawah 12 bulan.

Tambahan pula, pemerhatian ke atas beberapa hospital selama 12 bulan baru-baru ini mendapati 89.3 peratus kes batuk kokol dihasikan berlaku pada bayi terlalu muda untuk divaksinasi sepenuhnya atau tidak mendapat vaksinasi secukupnya mengikut umur mereka.

### Batuk kokol belum dapat dihapuskan

Statistik berkenaan menunjukkan penyakit kanak-kanak seperti batuk kokol masih belum dapat dihapuskan. Kita mesti menitikberatkan vaksinasi bayi yang tepat pada waktunya untuk menghalang penyakit cegahan vaksin berjangkit dan imunisasi ibu hamil adalah strategi penting bagi mengurangkan beban jangkitan penyakit seperti batuk kokol.

WHO menyarankan supaya mempertimbangkan vaksinasi Tdap untuk wanita hamil, namun banyak negara di rantau ini terus menyarankan vaksin TT untuk wanita hamil atau wanita dalam usia subur. Singapura memperkenalkan vaksinasi Tdap untuk ibu hamil dalam program kesihatan mereka dan kita seharusnya mengambil langkah sama.


Di Malaysia, ramai wanita tidak mendapat vaksinasi ibu hamil atas pelbagai faktor seperti kurangnya kesedaran, keraguan terhadap vaksin, bimbangan isu keselamatan dan kekangan kewangan.

Pengambilan vaksin Tdap di Malaysia kebanyakannya adalah di pusat penjagaan kesihatan swasta dan ia bergantung kepada saranan doktor individu.

Keyakinan terhadap vaksin dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan dan kemampuan untuk menangani isu maklumat salah serta ketersediaan vaksin di premis masing-masing mempunyai kesan besar dalam meningkatkan kadar vaksinasi pada wanita hamil di Malaysia.

Justeru, KKM disaran supaya mengekalkan momentum dalam mengukuhkan strategi imunisasi ibu hamil di negara ini manakala komuniti kesihatan awam terus berusaha mengutamakan kesihatan bayi baru lahir, yang akhirnya membawa Malaysia lebih dekat dalam mencapai sasaran SDG pada 2030.





TAJUK : REMAJA DIDAKWA BUNUH RAKAN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Remaja didakwa bunuh rakan

**Teluk Intan:** Seorang remaja lelaki didakwa di Mahkamah Majistret, di sini semalam, atas pertuduhan membunuh rakannya, hanya kerana cemburu buta, bulan lalu.

Tertuduh berusia 17 tahun yang hadir ke mahkamah berbaju kelabu hitam dan berseluar denim biru itu mengangguk faham ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Intan Nurul Farena Zainal Abidin.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan kerana pertuduhan membunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Tertuduh yang tidak bersekolah, didakwa membunuh P

Hariaran, 21, di tepi Jalan Pasir Kampung Sungai Payung Baroh, Selekoh, Bagan Datuk, antara jam 6 petang hingga 8.30 malam pada 20 Ogos lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang dari 30 hingga 40 tahun.

### Berdepan hukuman sebat

Jika tidak dihukum mati, suspek boleh dikenakan hukuman sebat tidak kurang dari 12 sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Cheah

Shuh Yuan, manakala tertuduh diwakili peguam Charanjit Singh.

Mahkamah menetapkan 5 Oktober ini untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan kimia.

Pada 23 Ogos lalu, mayat mangsa yang sudah reput ditemui orang awam di dalam parit kebun kelapa sawit.

Media kemudiannya melaporkan polis menahan suspek di kawasan Hutan Melintang, Bagan Datuk pada 26 Ogos lalu dan hasil soal siasatan mendapati motif bunuh adalah kerana suspek cemburu terhadap mangsa yang mengganggu teman wanitanya.



TAJUK : TERPAKSA SERAG ANAK KEPADA IBU SAUDARA KERANA MISKIN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 20

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Terpaksa serah anak kepada ibu saudara kerana miskin

**Pekan:** "Saya terpaksa mengambil keputusan menyerahkan seorang daripada tiga anak kembar saya kepada ibu saudara," kata Roslinshah Roslan, 19.

Katanya, beliau dan isteri, Noralia Saleh, 20, terpaksa berbuat demikian kerana kemiskinan.

Pendapatan Roslinshah sebagai operator kilang tidak dapat menampung perbelanjaan tiga anak kembar lelaki yang kini berusia empat bulan.

Katanya, sebagai bapa, dia tidak sanggup menyerahkan bayi pertama kepada ibu saudaranya, namun kerana terpaksa dia dan isteri reda.

"Setiap bulan, saya terpaksa menyediakan lebih RM150 untuk susu kerana seorang anak kembar saya mendapat rawatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan berikutan masalah kesihatan selepas pembedahan," katanya yang menetap di Kampung Per-

matang Keledang, di sini.


Sementara itu, Pengerusi Kelab 4x4 Orang Asli Pahang, Mahat Mat Don, berkata pihaknya menyampaikan bantuan susu, lampin pakai buang, peralatan bayi, tilam dan bekas menyimpan air panas.

Katanya, bantuan itu hasil sumbangan pertubuhan bukan kerajaan dan individu yang simpati dengan keluarga berkenaan.



Mahat (tengah) ketika menziarahi keluarga bayi kembar tiga di Pekan.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)



TAJUK : 'MANFAAT KAMI ANAKKU'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

Pekan

Dalam suka ada duka dan kerana itulah, sepasang suami isteri terpaksa menyerahkan seorang daripada anak kembar tiga kepada ahli keluarga akibat kemiskinan hidup.

"Kami terpaksa mengambil keputusan menyerahkan seorang daripada anak kembar kepada ibu saudara kerana kesempitan hidup," kata Roslinshah Roslan, 19.

Menurutnya, dia dan isteri, Noralia Saleh, 20, terpaksa berbuat demikian kerana pendapatan diterimanya sebagai operator kilang kotak tidak mampu menampung perbelanjaan tiga anak kembar lelaki mereka yang kini berusia empat bulan.

Katanya, sebagai bapa, dia tidak sanggup menyerahkan bayi pertamanya itu kepada ibu saudaranya, namun kerana terpaksa, dia

dan isteri reda berbuat demikian.

"Setiap bulan, saya perlu sediakan lebih RM150 untuk susu. Seorang daripada anak kembar pula perlu dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) setiap bulan berikutan masalah kesihatan selepas menjalani pembedahan.

"Kami tidak pernah menduga akan dikurniakan anak kembar tiga kerana dalam kalangan keluarga, tiada yang kembar," katanya.

Roslinshah yang juga anggota komuniti Orang Asli kini menetap bersama keluarga di Kampung Permatang Keledang di sini, berkata, sebelum ini, dia terpaksa meminta bantuan kewangan daripada keluarga terutama ketika anak kembarnya mendapat ra-

## 'MAAFKAN KAMI ANAKKU'

*Ibu bapa serah satu daripada 3 bayi kembar untuk dijaga ibu saudara*



MAHAT (tengah) ketika menyampaikan sumbangan kepada keluarga bayi kembar tiga di Kampung Permatang Keledang, Pekan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

watan selama tiga bulan di HTAA.

Sementara itu, Pengerusi

Kelab 4x4 Orang Asli Pahang, Mahat Mat Don berkata, untuk meringankan


beban pasangan berkenaan, pihaknya menyampaikan bantuan seperti susu,

lampin pakai buang serta peralatan bayi.

Katanya, bantuan prihatin itu turut diberikan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan individu yang simpati dengan nasib pasangan berkenaan.

"Dalam suka ada duka, gembira dikurniakan anak kembar tiga yang jarang terjadi terutama memabitkan masyarakat Orang Asli, pada waktu yang sama, kemiskinan menyebabkan pasangan berkenaan berdepan banyak masalah.

"Ini bantuan julung kali diberikan. Selepas ini, kita berusaha menyediakan bantuan lain bagi meringankan beban pasangan berkenaan," katanya yang turut berharap ada pihak lain sudi menghulurkan bantuan.



TAJUK : 17 'BAYI MERDEKA' SELAMAT DILAHIRKAN DI HUSM

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



ANTARA 'bayi merdeka' yang selamat dilahirkan di HUSM, Kubang Kerian. - FOTO IHSAN HUSM

## 17 'bayi merdeka' selamat dilahirkan di HUSM

**Kota Bharu:** Seramai 17 'bayi merdeka' dilahirkan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di sini, bermula jam 12.01 tengah malam kelmarin, sehingga jam 11.59 malam semalam.

Daripada jumlah itu, sembilan adalah lelaki dan lapan perempuan. Bayi berkenaan dilahirkan secara normal serta pembedahan.

Seorang daripada ibu bayi merdeka, Siti Khairiyah Pauzi, 32, yang juga Penyelia Asrama, Institut Kemahiran Belia Tinggi Kelantan (IKBTN) berkata, dia teruja dan gembira menimang cahaya mata sulung yang lahir pada hari ulang tahun kemerdekaan negara.

Katanya, dia melahirkan bayi merdeka pertama di hospital itu, jam 2.25 pagi kelmarin.

"Alhamdulillah, syukur kerana saya selamat melahirkan bayi lelaki seberat 3.31 kilogram (kg) melalui pembedahan.

"Saya dijangka bersalin pada 6 September, namun disebabkan indikasi tertentu, saya dimasukkan ke



*Kelahiran bayi merdeka ini adalah rahmat buat kami"*

Siti Hajar

hospital lebih awal," katanya.

Sementara itu, Siti Hajar Ghazali, 38, berkata, dia dan suami, Mohd Sanusi Yusof berasa bertuah kerana cahaya mata keempat mereka dilahirkan pada Hari Kebangsaan walaupun tarikh jangkaan sebenar yang diberikan doktor adalah pada 29 September ini.

"Alhamdulillah, saya selamat melahirkan bayi lelaki seberat 3.06kg, jam 3.20 pagi semalam (kelmarin).

"Syukur ke hadrat Allah SWT, semua urusan bersalin dipermudahkan oleh-Nya dan kelahiran bayi merdeka ini adalah rahmat buat kami," katanya yang juga Pembantu Jururawat Hemodialisis Renal-Link (Kelantan) Sdn Bhd," katanya.



TAJUK : BAHANA CEMBURU BUTA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ANGGOTA polis mengiringi remaja yang membunuh rakannya di Mahkamah Majistret Teluk Intan, semalam. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

# BAHANA CEMBURU BUTA

*Remaja disyaki bunuh rakan kena dakwa*

Oleh Muhamad Lokman Khairi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

## Teluk Intan

Seorang remaja lelaki bawah umur dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan membunuh rakannya, bulan lalu.

Tertuduh berumur 17 tahun yang hadir ke mahkamah berbaju kelabu hitam dan berseluar jeans biru itu menganggu faham ketika pertuduhan dibacakan di ha-

dapan Hakim Intan Nurul Farena Zainal Abidin.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan kerana pertuduhan membunuh adalah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang sudah tidak bersekolah didakwa membunuh P Hariaran, 21, di tepi jalan Pasir Kampung Sungai Payung Baroh, Selekoh dalam daerah Bagan Datuk antara jam 6 petang hingga jam 8.30 malam pada 20 Ogos lalu.

Susulan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang dari 30 hingga 40 tahun.

Pendakwaan kes berkenaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Cheah Shuh Yuan, manakala tertuduh diwakili peguam Charanjit Singh.

Mahkamah menetapkan 5 Oktober depan untuk sebutan semula kes sementara menunggu laporan kimia.



TAJUK : **CARI SAKSI KES ROGOL BERKUMPULAN**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **02 SEPT 2023**

M/SURAT : **04**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

## *Cari saksi kes rogol berkumpulan*

**Kuala Lumpur:** Polis sedang mengesan seorang saksi bagi membantu siasatan kes rogol berkumpulan terhadap seorang wanita di sebuah rumah di Wangsa Maju di sini, kelmarin.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid (*gambar*) berkata, saksi dikehendaki itu adalah Muhammad Nuraffiq Jaafar, berusia 29 tahun dan menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Laksamana, Cochrane 2, Jalan Peel di sini.

"Polis sedang mengesan lelaki itu yang dipercayai dapat membantu siasatan kes ini.

"Justeru kita minta mohon kerjasama orang ramai yang mengenali atau mempunyai maklumat tentang keberadaan lelaki ini untuk tampil membantu siasatan polis," katanya semalam.

Menurutnya, maklumat boleh disalurkan kepada

Pegawai Penyiasat kes, Inspektor Siti Fadzilah Ahmad Faisal di talian 017-6240252.

Mengulas mengenai siasatan kes itu, Allaudeen berkata pihak polis sudah mengenal pasti suspek yang disyaki dalam kejadian itu dan usaha mengesan sedang dijalankan.

"Siasatan mendapati kejadian berlaku pada awal pagi kelmarin apabila kira-kira lima lelaki masuk ke rumah mangsa berusia 20-an dan mero golnya.

"Polis sudah

menjalankan siasatan di tempat kejadian dengan bantuan pasukan forensik dan mangsa sudah dihantar ke hospital untuk pemeriksaan oleh pegawai perubatan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan polis sedang mengesan lima lelaki termasuk abang ipar seorang wanita yang menjadi mangsa rogol berkumpulan dalam kejadian itu.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.30 pagi itu, mangsa yang berusia 27 tahun sedang tidur ter-

sedar apabila mulutnya ditutup dengan tangan oleh salah seorang suspek.

Tangan mangsa kemudian diikat dan mulut mangsa dilekatkan dengan pita pelekat sebelum dirogol bergilir-gilir dan perbuatan terkutuk itu turut dirakam suspek.

Selepas memperkosa mangsa, kesemua suspek melarikan diri. Mangsa cedera dan lebam pada tangan akibat kejadian itu.

Mangsa yang juga seorang pekerja swasta kemudian tampil membuat laporan polis di Balai Polis Wangsa Maju. Kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.



Polis sedang mengesan lima lelaki termasuk abang ipar seorang wanita yang menjadi mangsa rogol berkumpulan.



TAJUK : DIJEL SETAHUN TIPU URUSAN AMBIL ANAK ANGKAT

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



GAYATREE dan Aliyah dijatuhi hukuman penjara setahun di Mahkamah Majistret Seremban. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

## Dijel setahun tipu urusan ambil anak angkat

**Seremban:** Dua wanita dijatuhi hukuman penjara selama setahun di Mahkamah Majistret Seremban, di sini, semalam, atas pertuduhan menipu seorang lelaki bagi urusan mendapatkan anak angkat menyebabkan mangsa kerugian hampir RM8,000, Julai lalu.

Majistret Nurul Saqinah Rosli menjatuhkan hukuman itu terhadap G. Gayatree, 32, yang bekerja sebagai penjaga dan Aliyah Begum Selvam, 30, penghantar makanan, dan memerintahkan kedua-dua wanita itu menjalani hukuman penjara

bermula semalam.

Mereka didakwa bersama-sama menipu seorang lelaki berusia 37 tahun dengan menawarkan urusan pengambilan anak angkat dan meminta mangsa membuat tujuh kali transaksi pemindahan wang berjumlah RM7,900 ke dalam satu akaun bank.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Jalan Arah Sendayan di sini pada 15 Julai lalu.

Pertuduhan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara mini-

mum setahun dan maksimum 10 tahun, selain sebat serta denda, jika sabit kesalahan.


Berdasarkan fakta kes, mangsa berurusan dengan Gayatree pada tarikh itu selepas diberitahu terdapat bayi perempuan untuk dijadikan anak angkat yang berasal daripada keluarga miskin dengan pembayaran pendahuluan sebanyak RM4,000 dimasukkan ke satu akaun bank.

Lelaki itu kemudian membuat pembayaran berkenaan sebelum dia diminta membuat beberapa kali pembayaran lagi ke dalam akaun bank sama dengan

keseluruhan berjumlah RM7,900, namun sehingga kini mangsa tidak menerima anak angkat yang dijanjikan dengan pelbagai alasan oleh tertuduh.

Timbalan Pendakwa Raya Nik Nur 'Aqilah Syarfa Nik Zaidi memohon hukuman setimpal bagi memberi pengajaran manakala kedua-dua tertuduh.

Peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) J. Dasene yang mewakili kedua-dua wanita itu merayu hukuman minimum kerana mereka menanggung keluarga dan mempunyai masalah kesihatan.



TAJUK : IBU, KEKASIH KENA DAKWA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Suraya Roslan  
[surayaroslan@mediapri-  
ma.com.my](mailto:surayaroslan@mediapri-<br/>ma.com.my)

### Petaling Jaya

**I**bu kandung dan teman lelakiinya didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan membunuh kanak-kanak lelaki berusia lima tahun, bulan lalu.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada Mary Teh May Yee, 44, dan S Puvaneswaran, 29, berikutan kes bunuh berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, mereka bersama-sama membunuh kanak-kanak lelaki, Teh Joseph di sebuah unit rumah di Jalan PUJ 3/2, Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan pada jam 12.55 tengah malam, 22 Ogos lalu.

Oleh itu, wanita terbabit yang juga penganggur dan kekasihnya didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksamaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksamaan yang membawa hukuman gantung sampai mati.

Dalam prosiding sama, Puvaneswaran yang juga pemandu lori mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memberikan keterangan bertulis palsu terhadap seorang anggota polis iaitu Konstabel Rashmit Kaur Harpajan Singh.

Tindakan itu menyebab-



ANGGOTA polis mengiringi kedua-dua tertuduh di pekarangan mahkamah, semalam.

### KES BUNUH BUDAK LIMA TAHUN

# IBU, KEKASIH KENA DAKWA

kan pegawai penyiasat, Asisten Superintendan Che Ashru Nizam Che Abdul Rahman melakukan siasatan di mana ia tidak perlu dilakukan sekiranya keadaan sebenar kejadian dimaklumkan tertuduh.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Balai Polis Seri Kembangan, Selangor,

pada jam 2.57 pagi, 22 Ogos lalu dan disiasat mengikut Seksyen 182 Kanun Keseksamaan yang membawa hukuman penjara maksimum enam bulan atau denda yang boleh sampai RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nurul Sofea Jaysal tidak

menawarkan sebarang jaminan kerana kes bunuh kesalahan yang tidak boleh dijamin manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Majistret Shahril Anuar Ahmad Mustapa menetapkan 2 Oktober depan untuk sebutan semula semua kes.



TAJUK : KUCHING SASAR JADI BANDAR RAYA MESRA KANAK-KANAK, WARGA EMAS

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Kuching sasar jadi bandar raya mesra kanak-kanak, warga emas

**Kuching:** Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) yang baharu, Hilmy Othman, menetapkan visi untuk menjadikan Kuching sebagai bandar raya mesra kanak-kanak serta warga tua.

Bagi merealisasikannya, Hilmy menetapkan misi untuk meningkatkan dan memelihara kualiti kehidupan kumpulan sasar itu menerusi penyediaan perkhidmatan, kemudahan infrastruktur kondusif dan lengkap serta tadbir urus

yang cekap.

Menurutnya, kawasan tanggungjawab DBKU kini sudah memiliki semua kemudahan infrastruktur yang lengkap, selain pengurusan sisa buangan terbaik.

"Justeru, sebaik dilantik sebagai Datuk Bandar, saya menetapkan matlamat untuk menjadikan Kuching sebagai bandar raya mesra kanak-kanak dan warga tua.

"Dalam menjayakan visi dan misi itu, DBKU akan

bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain seperti Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) serta Majlis Bandaraya Miri (MBM) untuk menjalin kerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Angkat Sumpah Datuk Bandar DBKU yang disaksikan Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Abang


Openg di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, semalam.

Turut hadir Timbalan Premier Sarawak yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Dr Sim Kui Hian serta Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Amar Mohamad Abu Bakar Marzuki.

Hilmy, 64, dilantik sebagai Datuk Bandar DBKU Ke-8 menggantikan Datuk Junaidi Reduan, berkuatkuasa semalam.



ABANG Johari (tiga dari kiri) dan Hilmy pada Majlis Angkat Sumpah Datuk Bandar DBKU di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya.



TAJUK : POLIS BURU LIMA SUSPEK KES ROGOL

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Polis buru lima suspek kes rogol

**Kuala Lumpur:** Lima lelaki yang disyaki terbabit memperkosa seorang wanita secara bergilir-gilir di sebuah rumah di Wangsa Maju di sini, Rabu lalu, masih diburu polis.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisyoner Siti Kamsiah Hassan berkata, usaha mengesan kesemua suspek sedang giat dijalankan.

“Polis sudah mengenal pasti suspek terbabit dan setakat ini, belum ada tangkapan dibuat.

“Berdasarkan siasatan awal dilakukan, hanya kenalan abang ipar mangsa yang bertindak merogolnya manakala abang ipar mangsa tidak turut serta,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.


Kelmarin, Harian Metro

melaporkan seorang wanita yang sedang tidur ‘di-serang’ lima lelaki sebelum diperkosa secara gilir-gilir di kediamannya.

Dalam kejadian jam 3.30 pagi itu, mangsa berusia 27 tahun ketika itu sedang tidur di dalam bilik tersedar apabila mulutnya ditutup dengan tangan oleh suspek yang juga dipercayai rakan kepada abang iparnya.

Suspek berkenaan turut bertindak mengikat tangan dan menutup mulut mangsa dengan pita pelekat sebelum mereka memperkosanya serta merakam perbuatan terkutuk itu.

Susulan kejadian terbabit, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid dilaporkan berkata, polis sudah mengenal pasti identiti suspek.



TAJUK : WANITA CARI REBUNG BULUH JUMPA BOM

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 SEPT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## *Wanita cari rebung buluh jumpa bom*

**Melaka:** Hasrat seorang wanita mahu mencari rebung buluh terbantut sebaik dia menemui bom mortar di kawasan kebun di Taman Tanjung Minyak, di sini.

Bom mortar 60 millimeters (mm) itu ditemuinya di dalam semak jam 3.05 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung penemuan bom itu oleh seorang wanita berusia 32 tahun.

Beliau berkata, sepasukan polis dari Unit Pemusnah Bom Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka bergegas ke lokasi kejadian.

"Selepas menjalankan pemeriksaan di sekitar kawasan penemuan bom itu, polis mendapati tiada sebarang objek lain yang mencurigakan.

"Bom itu ditemui dalam



BOM mortar yang dijumpai di kawasan semak di dalam kebun di Taman Tanjung Minyak, Melaka.


keadaan berkarat. Bom itu sepanjang 30 sentimeter (cm) dan ukur lilit 20cm," katanya.

Menurutnya, bom lama itu kemudian dibawa ke pangkalan bagi tindakan lanjut kerana kawasan itu tidak sesuai untuk me-

lupakan barang kes.

Mengulas lanjut Christopher berkata, sebelum kejadian wanita terbabit yang juga saksi kejadian pergi ke rumah adiknya untuk bercuti dan menyambut hari lahir ibu mereka.

"Dia pergi ke kawasan berkenaan untuk mencari rebung bertujuan mencampurkan dalam masakan. Bagaimanapun dia menemui objek menyerupai bom lalu menghubungi Balai Polis Tanjung Minyak," katanya.



TAJUK :	CHILDREN'S COMMISSION BILL TO BE TABLED NEXT MONTH		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	02 SEPT 2023	M/SURAT :	09
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## INDEPENDENT OVERSIGHT BODIES

# Children's commission bill to be tabled next month



Datuk Seri Azalina Othman Said

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Children's Commission Bill is expected to be presented at the parliamentary sitting next month, said Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said.

Posting on X, formerly known as Twitter, she said her team was grateful for the suggestions from civil society organisations and children's rights advocates.

"The suggestions portray how civil society supports the government's legislative endeavours.


"Safeguarding the protection and wellbeing of children is the collective responsibility of every Malaysian. We must establish national integrity by advocating for the rights of every child."

Azalina said the government was committed to upholding children's rights and recognising the importance of transparency

and independent oversight bodies, such as the children's commissioner.

